Praktis 2 Tema Buku Teks: Sains, Teknologi dan Inovasi

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.

Lengkapkan perenggan yang diberikan dengan ayat yang sesuai.

Implikasi Penggunaan Telefon Pintar

Rangka Karangan

Pendahuluan
Telefon pintar – implikasi negatif – gagal mengawal penggunaannya

Isi 1
Mengundang ketagihan kepada seseorang – gelisah dan takut – nomofobia

Isi 2
Kesihatan terjejas – gagal memberikan tumpuan – semasa belajar

Isi 3
Kegilaan permainan video – membazirkan masa

Penutup
Berikhtiar – masalah dapat dikawal – tidak menular

Karangan Cemerlang

- Keadaan ini dikenali sebagai nomofobia.
- Sebelum nasi menjadi bubur, berikhtiarlah agar masalah ini dapat dikawal dan tidak terus menular.
- Mereka juga gagal memberikan tumpuan dalam pelajaran.
- Penggunaan telefon pintar secara berlebihan akan mengundang ketagihan kepada individu.

Telefon pintar mendatangkan pelbagai implikasi negatif jika kita gagal mengawal penggunaannya.
(1) _____
_____.

Mereka akan berasa tidak senang duduk, gelisah dan takut. **(2)** _____
_____.

Ketagihan ini akan membuatkan mereka kurang berinteraksi dan mengalami insomnia. Sekiranya perkara ini berlaku, kesihatan mereka akan terjejas. **(3)** _____
_____.

Selain itu, kegilaan remaja terhadap permainan video mengakibatkan pembaziran masa.
(4) _____
_____.

LIVEWORKSHEETS